



UM.FC/FPD/FTC/170/2

29 Ogos 2025

Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar)

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi)

Timbalan Naib Canselor (Pembangunan)

Pendaftar

Dekan/Pengarah Akademi/Institut/Fakulti/Pusat

Pengetua Kolej Kediaman

YBhg. Datuk/Dato'/Profesor/Profesor Madya/Dr./Tuan/Puan,

**PELAKSANAAN SIJIL PEMATUHAN CUKAI (TAX COMPLIANCE CERTIFICATE – TCC)
BAGI SEMUA KAEDAH PEROLEHAN DI UNIVERSITI MALAYA**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa Kementerian Kewangan (MOF) melalui surat pekeliling bertarikh 24 Jun 2025, telah mengumumkan penguatkuasaan sepenuhnya arahan pengemukaan Sijil Pematuhan Cukai (*Tax Compliance Certificate - TCC*) sebagai **syarat tambahan wajib dalam dokumen tawaran perolehan Kerajaan.**

3. Pengemukaan TCC **diwajibkan bagi semua kaedah perolehan** di bawah semua kategori bekalan, perkhidmatan (perunding dan bukan perunding) dan kerja, sama ada secara manual ataupun melalui sistem. Sila rujuk Infografik Sijil Pematuhan Cukai – Panduan Ringkas Untuk Warga UM yang dilampirkan untuk maklumat lanjut.

4. Lanjutan daripada penguatkuasaan tersebut, pihak PTj/Jabatan hendaklah memastikan pembekal yang dipilih telah melaksanakan tindakan berikut:

- (i) Mempunyai TCC berstatus 'Patuh' dan masih sah;
- (ii) Mengemaskini maklumat TCC pada Profil Syarikat dalam Sistem F1RST;
(Profil Syarikat > Maklumat Cukai > Tambah Rekod Baru > Jenis Cukai – TCC)
- (iii) Memuatnaik TCC semasa menyertai proses bidaan.

5. Untuk makluman, status kepatuhan dan sah laku TCC pembekal perlu disemak semasa peringkat pembayaran. Justeru itu, sekiranya status TCC pembekal adalah tidak 'Patuh' atau tidak sah, kelulusan perlu ditangguhkan sehingga pembekal membuat pengemaskinian maklumat.

PEJABAT BENDAHARI

Universiti Malaya, 50603 Kuala Lumpur, MALAYSIA
(603) 7967 3205

JABATAN PERKHIDMATAN KEWANGAN

Pusat Kewangan Pelajar (603) 7967 3289 • Faks: (603) 7967 3588 / Pusat Pembayaran & Pengurusan Dana (603) 7967 3403
Pusat Perolehan (603) 7967 4660 • Faks: (603) 7967 4607 / Pusat Pengurusan Tunai & Bank (603) 7967 3466

JABATAN PERANCANGAN KEWANGAN


Pusat Belanjawan (603) 7967 3268 / Pusat Akaun (603) 7967 7731 / Pusat Teknologi Kewangan (603) 7967 3433
Pusat Kewangan Korporat (603) 7967 3270

6. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini, sila hubungi Pejabat Bendahari seperti butiran berikut:

| Bil. | Perkara | Emel | Telefon |
|-------------|---|--------------------------|--------------------------------|
| 1. | Urusan berkaitan Perolehan dan Pembekal | unit_perolehan@um.edu.my | 7967 4660 / 6966 / 6967 / 6965 |
| 2. | Urusan Pembayaran | bursar_payment@um.edu.my | 7967 3403 / 7753 / 7005 / 3527 |

Sekian, terima kasih

Yang benar,


WAN MOHD SOFI WAN MUSTAPHA
Bendahari

s.k. Naib Canselor